

**SOALAN NO: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAN  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Hospital Shah Alam akan mula beroperasi pada Mac tahun ini seperti yang dijanjikan dan sekiranya tidak, mengapa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek Hospital Shah Alam yang direkabentuk dengan kemudahan 300 katil akan memberikan kemudahan kepakaran kepada masyarakat setempat. Projek ini sedang giat dilaksanakan dan dipantau oleh Pasukan Pengurus Projek iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

Berdasarkan *Extension of Time* (EOT) yang telah diluluskan, projek Hospital Shah Alam ini akan siap sepenuhnya pada 31 Mac 2015. *Extension of Time* telah diberikan kepada kontraktor memandangkan bahawa masih terdapat pelbagai isu dan masalah yang belum diselesaikan sepenuhnya oleh pihak kontraktor yang melibatkan isu-isu berkaitan dengan keperluan Jabatan Bomba dan juga kerja-kerja Mengujiterima dan Mentauliah (Testing & Commisioning) yang melibatkan sistem-sistem di bawah projek ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek ini sedang dipantau rapi oleh Cawangan Kerja Kesihatan, JKR bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar sebarang kelewatan diatasi sepenuhnya dan projek ini dapat diserahkan dalam tahun semasa. Selain itu, KKM juga komited untuk memastikan agar penyampaian perkhidmatan kesihatan dapat diberikan kepada masyarakat setempat.